

Jurutera perlu membuat eksperimen fahami ciri-ciri tanah lembut

# Cabaran bina jalan – Manyin

JUMIET NYIREK

KUCHING, Selasa — Eksperimen yang berskala besar terhadap sesuatu bidang dapat membantu memberi maklumat penting dan pemerhatian terhadap tingkah laku prototaip.

Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata oleh itu ia adalah penting bagi jurutera membuat eksperimen yang menyeluruh supaya dapat memahami dan mengenal pasti ciri-ciri tanah lembut. "Teknik inovatif makmal, model fizikal dan nombor, teori analitikal dan model juzuk memberikan perspektif baru ke dalam interaksi struktur tanah lembut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Kejuruteraan Tanah Lembut Antarabangsa 2013 anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini pagi tadi.

Menurut beliau tema "Cabaran Kejuruteraan Tanah Lembut dan Penyelesaian Yang Mampan"



**TEKNOLOGI ELEKTROMAGNET ...** Dato Sri Michael Manyin yang mewakili Ketua Menteri sedang mendengar penerangan yang disampaikan oleh Ketua Pusat Keresasian Elektromagnet (EMC) UTHM, Prof.Dr.Mohd Zabar Mohd Jenu, selepas merasmikan Persidangan Kejuruteraan Tanah Lembut Antarabangsa 2013 (SEIC'13), di Kuching, semalam. Turut kelihatan Naib Canselor UTHM, Prof.Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin dan Pengarah JKR Sarawak, Zuraimi Sabki. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

pan" adalah sangat menarik kerana ia bakal memberi pendedahan cabaran sebenar tanah lembut.

Beliau berkata penemuan, idea dan pandangan yang akan dibentangkan membolehkan pakar serta penyelidik menyediakan penyelesaian berkesan bagi memberi manfaat kepada negara.

Teks ucapan beliau dibaca Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi, Dato Sri Micheal Manyin Jawong. Taib percaya persidangan itu akan membawa kepada penemuan dan pengetahuan baru yang boleh menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta negara.

"Ia jelas menunjukkan kepada kita bahawa melalui eksplorasi dan perkongsian ilmu, pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang tumpuan termasuk tanah lembut boleh diperbaiki," katanya.

Beliau berkata, ia adalah tidak mustahil kekayaan ilmu dapat

difahami dan berfungsi sebagai pemangkin kepada pembentukan generasi berpengetahuan serta inovatif yang boleh membantu untuk membangunkan negara bahawa dalam masa depan.

Sementara itu Naib Canselor UTHM, Profesor Dato Dr Mohd Noh Dalimin berkata persidangan itu bertujuan mewujudkan satu platform untuk perkongsian pengetahuan antara universiti, agensi kerajaan dan industri yang berkaitan dengan pembinaan di kawasan tanah lembut.

Beliau juga berkata ia untuk menganjurkan program akademik yang akan mewujudkan kesedaran dalam kalangan peserta cabaran dan pencapaian dalam bidang kejuruteraan tanah lembut.

Di samping itu, tambah beliau ia juga bertujuan menjana pendapatan untuk dana bagi menjalankan aktiviti penyelidikan berkaitan dengan kejuruteraan tanah lembut. Seramai 220 peserta mengambil bahagian dan sebanyak 62 kertas kerja akan dibentangkan dalam seminar yang berlangsung selama dua hari itu.